



Jangan abai pemakaian topi keledar - TNC



SERDANG, 28 April – Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) digesa tidak mengabaikan pemakaian topi keledar di dalam kampus walaupun untuk jarak perjalanan yang dekat.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata pemakaian topi keledar yang telah diwajibkan di dalam kampus seringkali diabaikan ketika pelajar mahu ke padang permainan atau ke medan selera.

“Kegagalan mematuhi peraturan ini sebenarnya menggambarkan sikap pelajar yang kurang peka terhadap keselamatan diri dan tidak memahami sepenuhnya nilai etika dan sosial yang telah diterapkan,” katanya semasa ucapan perasmian Kempen Pemakaian Topi Keledar dengan Betul di sini.



Kempen itu bertujuan mendidik pelajar agar sentiasa mematuhi etika pemakaian topi keledar dengan betul dan menggunakan topi keledar yang memenuhi piawaian.

Sebanyak 200 topi keledar diagihkan kepada pelajar semasa kempen yang dianjurkan oleh Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) UPM dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR) Putrajaya dan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Pengarah SIRIM, Khalidah Mustafa berkata pemakaian topi keledar dengan cara yang betul dapat membantu menyelamatkan nyawa penunggang motosikal di jalan raya.

“Penunggang motosikal yang tidak memakai topi keledar dengan betul atau yang tidak memenuhi piawaian berisiko mengalami kecederaan otak sehingga tiga kali ganda dalam kemalangan.



“Topi keledar yang disahkan oleh SIRIM menjalani beberapa ujian yang ketat dan mematuhi spesifikasi MS 1:1996 Specification for Protective Helmets Vehicle Users bagi memastikan topi keledar dapat melindungi anda,” katanya

Nor Ain Syah Mat Isa, pelajar Bachelo Pendidikan Sains Rumah Tangga menyatakan kempen itu dijalankan pada masa yang tepat.

“Saya melihat ramai pelajar tidak suka memakai topi keledar terutamanya dalam kawasan kampus. Saya berharap kempen sebegini dapat memberikan kesedaran kepada mereka,”katanya.

Berita ini disediakan oleh Muhamad Najkhan Mazlan 03-89466130 dan foto oleh Noor Azreen Awang 03-89466199